

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan terma dan syarat yang berkaitan Surat Kredit-i ("LC-i") sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil produk ini. Anda dikehendaki supaya meminta penjelasan dari Pengurus Perhubungan EXIM Bank (Bank) yang ditugaskan kepada anda berkenaan sebarang terma dan syarat yang mengatur produk tersebut. Sila pastikan bahawa anda telah memahami sepenuhnya tentang produk dan terma dan syarat bersesuaian dengan keperluan pembiayaan dan/atau perniagaan anda.)



## Surat Kredit-i



### 1. Apakah produk ini?

Surat Kredit-i ("LC-i") merupakan surat kredit komersial patuh Syariah dimana kami (Bank Penerbit), bertindak atas permintaan dan arahan anda (Pengimport/Pemohon) berjanji untuk membayar pelanggan anda (Pengeksport/Benefisiari) terhadap pematuhan semua terma dan syarat kredit.

### 2. Apakah kontrak Syariah yang diguna pakai?

Kontrak Syariah yang diguna pakai untuk Surat Kredit-i ialah:

- **Wakalah:**  
*Wakalah* merujuk kepada kontrak dimana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) memberi kuasa kepada pihak yang lain sebagai ejennya (*wakil*) untuk melaksanakan suatu tugas yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan fi.
- **Murabahah:**  
*Murabahah* merujuk kepada jualan beramanah dimana penjual menjual barangan kepada pembeli pada harga kos ditambah dan dibayar secara terus atau secara tangguh. Perincian kos dan keuntungan akan didedahkan kepada pembeli.

### 3. Apakah yang saya akan dapat dari produk ini ?

Jumlah LC-i	Seperti keperluan kontrak tetapi maksimum sehingga nilai invoice proforma pengeksporth.
Matawang	Matawang yang diterima adalah USD, EURO, RM dan matawang lain yang bersesuaian.
Tempoh	Seperti keperluan kontrak tertakluk kepada kelulusan pihak kami

### 4. Apakah tanggungjawab-tanggungjawab saya?

Anda dikehendaki membayar fi dan caj standard bank berkenaan dengan jenis perkhidmatan yang disediakan oleh pihak kami.

### 5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

No.	Jenis Fi dan Caj	Kuantum
1.	Komisen Penerbitan	0.1% sebulan atau sebahagian untuk kesahan LC-i, Min: RM100
2.	Pindaan <ul style="list-style-type: none"><li>• Pelanjutan tarikh kesahan</li><li>• Peningkatan dalam jumlah</li><li>• Pindaan lain</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• 0.1% sebulan atau sebahagian untuk pelanjutan tempoh, Min: RM100</li><li>• 0.1% sebulan atau sebahagian nilai kenaikan, Min: RM100</li><li>• Rata: RM50</li></ul>

3.	Pembatalan	RM50 rata
4.	Fi Percanggahan untuk Dokumen yang dituntut dibawah LC- <i>i</i> kami <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rata (setiap pengemukaan)</li> <li>• Untuk LC-<i>i</i> dalam matawang asing</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM50 untuk LC-<i>i</i> dalam RM</li> <li>• USD50 setara</li> </ul>
5.	Fi Pengendalian untuk penerbitan dan pindaan LC- <i>i</i> dalam bentuk salinan cetak seperti cara penghantaran melalui mel/perkhidmatan kiriman cepat (diterima pakai kepada semua jenis LC- <i>i</i> )	RM100
6.	Perbezaan Terma dan Syarat Kemudahan	Min.RM300 (Tidak terpakai kepada pelanggan PKS)

Sila minta daripada Pengurus Perhubungan anda untuk piawai fi dan caj Bank ke atas Produk dan Perkhidmatan Islam. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada yuran dan caj yang akan dikenakan kepada kemudahan anda, Bank akan memberitahu anda sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan.

#### 6. Apakah akan berlaku sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?

LC-*i* tidak akan diterbitkan.

#### 7. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?

Tidak berkenaan.

#### 8. Adakah saya memerlukan perlindungan takaful?

Anda mungkin perlu memperuntukkan sijil Takaful termasuk semua hak projek dan manfaat kepada kami sebagai salah satu cagaran yang diterima oleh kami.

#### 9. Apakah risiko – risiko utama yang perlu saya tanggung?

Anda terdedah kepada kesukaran dalam menjalankan perniagaan ke pasaran antarabangsa.

#### 10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi?

- Adalah penting untuk anda memberitahu kami mengenai setiap perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan bahawa semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada waktu yang tepat.
- Untuk mengemaskinikan butir-butir hubungan anda, anda boleh memaklumkan kami melalui pelbagai saluran komunikasi seperti di laman sesawang atau di pusat panggilan pelanggan kami di 03-2601 2000.

#### 11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

Jika anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, anda juga boleh menulis kepada kami di alamat berikut:

Ketua, Jabatan Komunikasi Korporat  
Export-Import Bank of Malaysia Berhad  
Aras 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: +603-26012000  
Faks: +603-26012469  
Laman Sesawang: [www.exim.com.my](http://www.exim.com.my)

Jika pertanyaan atau aduan Pelanggan tidak dapat diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, Pelanggan boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia,  
Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur  
Tel: 1-300-88-5465  
Faks: +603-2174 1515  
Emel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

#### 12. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Maklumat tambahan mengenai Surat Kredit-*i* boleh didapati di pejabat atau laman sesawang korporat kami: [www.exim.com.my](http://www.exim.com.my).

EXPORT-IMPORT BANK OF MALAYSIA BERHAD

Aras 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +603-26012000  
Faks: +603-26012469

**13. Apakah jenis produk Surat Kredit-*i* lain yang ditawarkan?**

- Surat Kredit Pemakluman-*i*
- Surat Kredit Pungutan-*i*
- Surat Kredit Pengesahan-*i*
- Surat Kredit Tunggu Sedia-*i*
- Surat Kredit Boleh Pindah Milik-*i*

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBUAT PEMBAYARAN UNTUK KEMUDAHAN TERSEBUT APABILA DITUNTUT**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah setakat 30 Julai 2021.